KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	05.04.22	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	TNB			

TNB, PDRM tingkat kerjasama gempur curi elektrik babit bitcoin

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) memperkukuh kerjasama bagi meningkatkan keupayaan menggempur kegiatan mencuri elektrik, terutama membabitkan perlombongan mata wang kripto 'bitcoin' yang menyebabkan kerugian besar kepada industri tenaga dan negara.

Untuk itu, TNB menyumbang sembilan kenderaan pikap kepada polis bagi meningkatkan lagi kecekapan membanteras kegiatan itu.

Sumbangan disampaikan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din kepada Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani di Bukit Aman, baru-baru ini.

Baharin dalam kenyataan semalam berkata, perlombongan 'Bitcoin' menggunakan bekalan elektrik secara curang bukan saja memberi impak kepada TNB, malah secara tidak langsung kepada rakyat dan negara.

Selain boleh menyebabkan kerosakan dan kebakaran pada pepasangan TNB, aktiviti melombong Bitcoin juga memberi kesan kepada pengguna apabila bekalan elektrik terputus.

Perbuatan mencuri elektrik oleh pengusaha bitcoin didapati semakin serius dengan kes yang dikesan meningkat lebih 400 peratus dalam tempoh empat tahun membabitkan 610 kes pada 2018, diikuti 1,043 kes (2019), 2,465 kes (2020) dan 3,091 kes pada 2021.

Rekod menunjukkan, sejumlah 7,209 kes dikesan sepanjang empat tahun menyebabkan kehilangan lebih 4.5 bilion kilowatt jam (kWh).

"Peningkatan kes sejak 2018 juga membuktikan kecekapan semua agensi terbabit dalam mengesan perbuatan jenayah khususnya kerjasama strategik antara TNB dan PDRM mulai tahun 2020," katanya.

Operasi bersama membanteras perbuatan yang menyalahi Akta Bekalan Elektrik 1990 itu turut membabitkan Suruhanjaya Tenaga (ST) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Dalam tempoh dua tahun kerjasama strategik itu, Acryl Sani berkata, PDRM menahan 627 individu serta merampas barang kes bernilai RM69.8 juta dalam serbuan yang dijalankan secara bersepadu dengan TNB.

Sementara itu, Baharin berkata, pengusikan pepasangan meter atau penyambungan haram oleh pengusaha bitcoin boleh mencetuskan pelbagai kejadian, termasuk gangguan bekalan akibat beban lampau (*overloading*) sehingga menyebabkan kebakaran.

Katanya, penggunaan melampau rangkaian komputer berkuasa tinggi 24 jam tanpa pengawasan dalam operasi perlombongan bitcoin boleh menyebabkan litar pintas, selain penggunaan fius tidak mengikut piawai atau tidak menggunakan sebarang fius dan beban melebihi kapasiti kabel.